

SINAR HARIAN 3/3/2022 MS/3

KWSP agih dividen RM56.72 bilion

6.10% untuk simpanan konvensional, 5.65% simpanan syariah

Oleh RAJA NUR FAZNIE AIDA

SHAH ALAM

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) mengumumkan dividen bagi tahun 2021 sebanyak 6.10 peratus bersamaan RM50.45 bilion untuk simpanan konvensional, manakala 5.65 peratus bersamaan RM6.27 bilion lagi bagi simpanan syariah.



AMIR HAMZAH

Ia sekali gus menjadikan jumlah agihan terkumpul bagi tahun 2021 berjumlah RM56.72 bilion.

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) KWSP, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan berkata, KWSP telah berjaya kekal stabil dan berdaya tahan untuk tahun tersebut kerana mempunyai kedudukan portfolio yang kukuh selain pelaburan yang pelbagai di peringkat global.

"Pengeluaran sebanyak RM101 bilion akibat pandemik telah menyebabkan 48 peratus ahli KWSP mempunyai kurang daripada RM10,000 dalam akaun mereka.

"Justeru, KWSP berharap dengan adanya dividen ini, malah prestasi ber-

terusan KWSP akan membantu dalam memulakan proses membina semula simpanan persaraan ahli, terutama sewaktu pemulihan ekonomi berlaku sepanjang tahun ini," katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

Dalam pada itu, beliau berkata, kebimbangan utama lanjutan daripada pengeluaran tersebut adalah kesannya ke atas persaraan ahli.


Beliau bagaimanapun berkata, KWSP tetap mempunyai keupayaan dan ketangkasan untuk bertindak dengan impak yang minimum terhadap pasaran kewangan, walaupun terpaksa menghadapi pelbagai cabaran akibat aliran keluar wang tersebut.

"Untuk 2021, KWSP telah mengimbangi semula dan mengurus portfolio pelaburannya dengan membeli saham yang kukuh pada harga yang menarik, selain memanfaatkan pelaburan luar negara, yang menyumbang 56 peratus kepada pulangan keseluruhan.

"Setakat 31 Disember 2021, KWSP telah mencatatkan peningkatan enam peratus dalam jumlah pendapatan pelaburan kasar sebanyak RM67.06 bilion, berbanding RM63.45 bilion pada 2020.

"Ini didorong oleh pemulihan pasaran ekuiti dan sebahagian besar kelas aset semasa pemulihan global," katanya.

Sehubungan itu, beliau berkata, dengan pembukaan semula ekonomi dan perniagaan, serta pelbagai inisiatif di bawah Pelan Pemulihan Ekonomi Negara,



Pengkreditan dividen KWSP akan dilakukan mulai Ahad ini.

ia akan menyediakan landasan yang baik untuk meningkatkan kecekapan pelaburan dan memanfaatkan peluang daripada inisiatif pemulihan.

Menurutnya, KWSP akan meningkatkan pelaburannya ke dalam pelbagai kelas aset domestik pada tahun 2022.

"Sebagai pelabur utama dalam pasaran kewangan Malaysia, ini juga akan membantu memangkinkan aktiviti dan pemulihan ekonomi yang berterusan.

"Selain itu, dengan pembukaan semula sempadan antarabangsa serta kadar vaksinasi antara yang terbaik di dunia, Malaysia bakal membangun semula pada tahun 2022," katanya.

Pengkreditan dividen untuk simpanan konvensional dan simpanan syariah akan dilaksanakan mulai Ahad ini.

Ahli-ahli boleh memeriksa akaun mereka menerusi i-Akaun atau mendapatkan penyata mereka daripada kios KWSP di seluruh negara.

Kadar Dividen KWSP (%)

TAHUN	KONVENSIONAL	SHARIAH
2021	6.10	5.65
2020	5.20	4.90
2019	5.45	5.00
2018	6.15	5.90
2017	6.90	6.40
2016	5.70	-
2015	6.40	-
2014	6.75	-
2013	6.35	-
2012	6.15	-

